

150 Orang Asli sertai program lawatan sehari ke USIM

SEREMBAN 28 Feb. - Seramai 150 masyarakat Orang Asli Kampung Langkap Dangi, Jempol, dekat sini menyertai program lawatan sehari ke Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Nilai, baru-baru ini.

Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Muhamad Muda berkata, lawatan tersebut bertujuan memberikan pendedahan kepada mereka terhadap persekitaran dan kepentingan melanjutkan pengajian

ke menara gading.

“Pada masa yang sama, kita harap program sebegini secara tidak langsung dapat memupuk minat anak-anak Orang Asli menyimpan cita-cita untuk melanjutkan pengajian sehingga ke peringkat universiti.

“Lawatan ilmiah ini amat penting untuk dijadikan sebagai platform kepada mereka untuk membangunkan diri masing-masing ter-

utamanya dalam menempuh arus pembangunan dan pembentukan jati diri lebih-lebih lagi dalam era globalisasi,” kata beliau kepada *Utusan Malaysia*, baru-baru ini.

Sementara itu, Pengarah Program, Muhamad Amir Mat Ghani yang merupakan pelajar tahun tiga Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan USIM berkata, antara objektif lain program berkenaan adalah untuk mengeratkan hubungan sila-

turahim yang telah terjalin antara masyarakat Orang Asli kampung tersebut.

“Lawatan ini adalah program lanjutan daripada Program Khidmat Sosial Masyarakat Orang Asli yang telah diadakan sempena Program Dakwah Tatbiqi pada 8 November 2011 lalu, di mana penuntut telah dijadikan anak angkat di kampung berkenaan.

“Mereka sangat gembira dapat

bertemu kami semula di sini dengan suasana yang cukup berbeza,” ujarinya.

Pada program tersebut, peserta rombongan dibawa melawat sekitar universiti, menonton tayangan video korporat USIM, solat berjemaah serta menyertai pertandingan mewarna, anyaman, cabutan bertuah dan menyaksikan persembahan daripada anak angkat.